

BERITA NEGERI

Kim Chyi (ndri) dan Mohamad Ashran menunjukkan penerima anugerah yang menerima mereka.



Anugerah turut diberikan kepada politeknik yang cemerlang dalam bidang sukan.

Atlet terbaik diiktiraf

Mohd Ashran, Kim Chyi dinobatkan Olahragawan, Olahragawati PolySEA 2017

MOHD ISKANDAR OTHMAN

BUKIT MERTAJAM

Pemain hoki kebangsaan, Mohamad Ashran Hamsani dinobatkan sebagai Olahragawan terbaik dalam Polytechnic Sports Excellence Award 2017 (PolySEA) yang diadakan, baru-baru ini.

Pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam itu berkata, anugerah yang diterima itu menjadi pembakar semangatnya untuk terus giat berlatih bagi

persiapan temasya Sukan Asia di Indonesia yang akan disertainya bermula 18 Ogos hingga 2 September depan termasuk kejohanan Piala Dunia.

Anak ketujuh daripada lapan beradik itu berkata, beliau yang bermain di posisi tengah mula menyertai pasukan skuad hoki kebangsaan selepas berpindah ke PSA sejak beberapa tahun lalu.

"Sebelum ini saya bermain untuk pasukan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Perak dan dapat diserap ke skuad hoki kebangsaan ketika menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan awam di PSA.

"Peluang ini tidak akan disia-siakan dan berjanji akan berusaha sehabis baik dengan pasukan bagi memberi permainan yang terbaik di samping dapat menjulang nama negara serta politeknik ke persada dunia," katanya ketika ditemui media dalam majlis penyampaian anugerah PolySEA yang diadakan di Politeknik

Seberang Perai, baru-baru ini.

Anugerah disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti, Profesor Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz.

Sementara itu, pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Teoh Kim Chyi, 21, pula dinobatkan sebagai Olahragawati PolySEA.

Kim Chyi yang menyertai sukan olahraga untuk acara lari jarak jauh 800 meter dan 1,500 meter pula sedang fokus untuk menjalani latihan untuk memberi persembahan cemerlang pada Sukan Malaysia (Sukma) Perak dan Sukan Universiti Asean yang akan berlangsung di Myanmar, Disember tahun ini.

Anak kelahiran Kedah itu berkata, beliau juga mahu memperbaharui rekod yang lebih baik selepas berjaya memecah dua rekod catatan masanya ketika menyertai Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), baru-baru ini.

"Pada Sukma 2016, saya memperoleh pingat perak dalam acara yang disertai dan pada SUKIPT baru-baru ini, saya berjaya memecahkan dua rekod baharu yang mana ia memberi inspirasi untuk saya melakukan dengan lebih baik bagi Sukma serta Sukan Universiti Asean kali ini," katanya.

Kim Chyi dan Mohamad Ashran masing-masing mendapat hadiah wang tunai RM3,000, piala dan sijil penghargaan.

Pada majlis itu, turut mengangugerahkan pemain ca Muhammad Farhan Shukry ja 21 dari Politeknik Mersing, Joh sebagai atlet paralimpik terbal yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500, piala dan penghargaan.

Dalam majlis sama, 25 anugerah turut diberikan bagi mengiktiraf pencapaian jurua dan atlet serta kakitangan yang terlibat dalam pelbagai sukan



Kesemua penerima anugerah PolySEA 2017 bergambar bersama.